

02 AUG 2000

MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA SHEIKH HASINA

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina di bilik penginapan beliau di Hotel Istana di sini.

Dr Mahathir yang tiba kira-kira pukul 8.50 pagi menghabiskan masa kira-kira setengah jam dengan Sheikh Hasina, sebelum berlepas untuk menghadiri mesyuarat Kabinet di Putrajaya.

Sheikh Hasina, yang dalam rangka lawatan empat hari ke sini dengan delegasi 73 anggota sejak Isnin lepas, kemudian berlepas ke Langkawi bagi lawatan dua hari lagi.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama beliau ke Malaysia.

Lawatan itu atas jemputan Dr Mahathir, bertujuan meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Bangladesh.

Malaysia merupakan pelabur ketiga terbesar selepas Amerika Syarikat dan Britain di Bangladesh. Setakat Disember tahun lepas, pelaburan Malaysia di Bangladesh dianggarkan berjumlah US\$1,320 juta.

Jumlah perdagangan dengan Bangladesh mencatatkan sebanyak RM534.8 juta, dengan baki perdagangan berpihak kepada Malaysia, dengan eksport berjumlah RM507.2 juta dan import berjumlah RM27.6 juta.

-- BERNAMA

AFY AHH RHM